



**KEARIFAN TEMPATAN DALAM AMALAN ZIKIR DAN SELAWAT DI
ANTARA SOLAT SUNAT TARAWIH DARI PERSPEKTIF HUKUM
ISLAM**

***LOCAL WISDOM IN THE RECITATION OF DHIKR AND SALAWAT
BETWEEN TARAWIH PRAYERS IN THE LIGHT OF ISLAMIC
JURISPRUDENCE***

Muhammad Izzat Aiman Ahmad Sokri^a & Mohd Anuar Ramli^{b*}

^aMahasiswa, Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

(E-mail: izzatas7801@gmail.com)

^bJabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

(E-mail: mohdanuar@um.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 5-2-2026
Revised date : 10-2-2026
Accepted date : 26-2-2026
Published date : 12-3-2026

To cite this document:

Sokri, M.I.A.A. & Ramli, M.A., (2026). Kearifan Tempatan Dalam Amalan Zikir Dan Selawat Di Antara Solat Sunat Tarawih Dari Perspektif Hukum Islam. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 18-29.

Abstrak: Masyarakat Melayu mewarisi pelbagai khazanah tradisi Islam. Sebahagiannya menjadi polemik dalam kalangan agamawan kerana ia melibatkan amalan yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW atau bukan Sunnah Nabi dan ia ditinggalkan oleh Nabi SAW. Amalan ini termasuklah bacaan zikir dan selawat di antara solat sunat tarawih. Ia merupakan amalan masyarakat Islam di Malaysia yang menjadi diwarisi sehingga hari ini. Dalam mendepani isu-isu yang berkait rapat dengan tradisi masyarakat, para ulama usul membincangkan ia berdasarkan parameter uruf. Oleh yang demikian, kajian ini mengulas tentang amalan bacaan zikir dan selawat di antara ibadah solat tarawih dan meneliti unsur kearifan tempatan di sebalik amalan yang dilakukan sejak turun temurun. Bagi mencapai objektif, artikel ini menggunakan pendekatan perpustakaan sepenuhnya iaitu dengan mengaplikasikan metode dokumentasi. Data yang dikumpulkan dianalisis kandungannya secara induktif dan dianalisis berdasarkan hukum Islam yang menggunakan instrumen uruf. Hasil kajian mendapati bahawa amalan bacaan zikir dan selawat di antara ibadah solat tarawih yang menjadi tradisi masyarakat di Malaysia dikategorikan sebagai uruf sah yang diterima di sisi syarak dan mendapati bahawa kearifan di sebalik amalan tersebut ialah

antaranya memanfaatkan ruang istirahat di antara solat tarawih dengan perkara bermanfaat di samping mewujudkan kesatuan jemaah ketika bilal menyebutkan zikir dan selawat dan disambut oleh jemaah yang lain secara kolektif serta mewujudkan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Kata Kunci: *bid'ah, kearifan tempatan, solidariti sosial, tarawih, tradisi Islam*

Abstract: *The Malay community has inherited a wide range of Islamic traditional legacies. Some of these have become a matter of polemic among religious scholars because they involve practices that were not carried out by the Prophet Muhammad (peace be upon him), or are not part of the Prophet's Sunnah, and were not observed by him. These practices include the recitation of dhikr and ṣalawāt between the units of the supererogatory Tarawih prayers. This is a practice among Muslims in Malaysia that has been passed down and continues to this day. In addressing issues closely connected to communal traditions, uṣūl scholars discuss them based on the parameters of 'urf (custom). Accordingly, this study discusses the practice of reciting dhikr and ṣalawāt between the acts of Tarawih prayer and examines the element of local wisdom behind a practice that has been performed from generation to generation. To achieve its objectives, this article adopts a fully library-based approach by applying the documentary method. The data collected were analysed inductively in terms of content and examined in light of Islamic legal rulings using 'urf as an instrument. The findings show that the practice of reciting dhikr and ṣalawāt between the Tarawih prayers, which has become a tradition among the Muslim community in Malaysia, is categorised as 'urf ṣaḥīḥ (sound custom) that is accepted in the sight of the Sharia. The wisdom behind this practice includes making beneficial use of the rest interval between the Tarawih prayers, fostering unity within the congregation when the bilal recites the dhikr and ṣalawāt and the other worshippers respond collectively, and nurturing love for the Messenger of Allah (peace be upon him).*

Keywords: *bid'ah (innovation), local wisdom, social solidarity, tarawih, Islamic tradition*

PENGENALAN

Pelbagai sambutan dan perayaan yang diraikan oleh masyarakat Muslim untuk menghayati ajaran Islam dengan mengekalkan identiti muslim setempat. Ia melahirkan pelbagai bentuk tradisi Islam setempat (Syakur, 2012). Antaranya adalah sambutan Israk dan Mikraj, Awal Ramadan, Nuzul al-Quran, Aidilfitri, Awal Zulhijjah, Aidiladha, Ma'al hijrah dan Maulidur Rasul. Ini merupakan hari yang disambut dan diraikan oleh umat Islam di Malaysia dengan meriah. Secara tidak langsung bulan-bulan hijrah dihidupkan dengan hari perayaan dan kebesaran bagi umat Islam termasuk bulan Ramadan. Justeru masyarakat tidak melepaskan peluang dengan menghidupkan hari-hari kebesaran ini dengan meningkat ketaatan dan amalan untuk menghidupkan syiar Islam di tempat masing-masing (Saputra & Muhajir, 2019). Bulan Ramadan merupakan bulan tarbiah atau bulan pendidikan mendidik diri dalam pelbagai hal yang tidak berguna sesuai dengan ketentuan syariat (Rihan et al., 2024). Bulan Ramadan menyaksikan seluruh dunia menjalankan ibadah puasa yang merupakan rukun Islam ketiga dan merupakan bulan tarbiah untuk mendidik Muslim mendekatkan diri kepada Allah SWT. Antara

amalan yang dilaksanakan pada bulan Ramadan ialah solat tarawih secara berjemaah. Ia dilaksanakan di masjid-masjid, surau dan kediaman secara berjemaah. Solat tarawih secara berjemaah dibincangkan oleh para fuqaha' berpandukan hadis Nabi SAW. Daripada Umm Al-Mu'minin A'isyah RA bahawa beliau berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى ذَاتَ لَيْلَةٍ فِي الْمَسْجِدِ فَصَلَّيْ بِصَلَاتِهِ نَاسٌ، ثُمَّ صَلَّى مِنَ الْقَابِلَةِ فَكَثُرَ النَّاسُ، ثُمَّ اجْتَمَعُوا مِنَ اللَّيْلَةِ الثَّلَاثَةِ أَوْ الرَّابِعَةِ، فَلَمْ يَخْرُجْ إِلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَصْبَحَ قَالَ قَدْ رَأَيْتُ الَّذِي صَنَعْتُمْ وَلَمْ يَمْنَعْنِي مِنَ الْخُرُوجِ إِلَيْكُمْ إِلَّا أَنِّي خَشِيتُ أَنْ تَفْرُضَ عَلَيْكُمْ وَذَلِكَ فِي رَمَضَانَ

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW pada suatu malam sedang solat di dalam masjid. Maka orang ramai pun mengikut solat bersama baginda. Kemudian pada malam berikutnya, baginda solat sekali lagi dan jemaah yang mengikutnya semakin banyak. Pada malam yang ketiga atau keempat, orang ramai berkumpul menanti ketibaan Rasulullah SAW sebaliknya baginda tidak keluar kepada mereka. Apabila masuk waktu Subuh, baginda bersabda kepada para jemaah: Sesungguhnya aku telah melihat apa yang kamu semua lakukan. Dan tidaklah yang menghalang aku dari keluar kepada kamu melainkan aku takut solat itu akan difardhukan ke atas kamu semua. Yang demikian itu berlaku pada bulan Ramadan (HR al-Bukhari).

Al-Nawawi (2005) menyebutkan bahawa dibolehkan solat tarawih itu dilakukan secara bersendirian dan juga secara berjemaah. Berkenaan yang manakah yang afdhal antara keduanya terdapat dua pendapat yang masyhur sebagaimana yang disebutkan oleh musannif dan diceritakan oleh majoriti al-Syafi'iyah, yang sah secara sepakat oleh ashab, secara berjemaah itu adalah lebih afdal.

Dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia menyaksikan pengamalan solat tarawih secara berjemaah diselangi zikir dan selawat di antara setiap rakaat selepas memberi salam. Amalan ini dilaksanakan di kebanyakan masjid dan surau bahkan juga diamalkan di kediaman tersendiri. Ia tidak lagi asing dan masih diamalkan dari zaman ke zaman. Terdapat zikir-zikir khusus dan selawat yang dibaca antara setiap rakaat solat tarawih. Bacaan tersebut dimulai dengan tasbih, tahmid, tahlil dan takbir beserta hauqalah dan diteruskan dengan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Bacaan zikir dan selawat ini dipimpin oleh bilal dan disambut oleh makmum secara beramai-ramai. Kemudian rakaat ke rakaat seterusnya bilal akan memimpin dengan melafazkan doa dan kebaikan ke atas khulafa' al Rasyidin lalu disambut oleh makmum dengan lafaz memohon keredaan Allah SWT ke atas mereka. Walaubagaimanapun, sesetengah masjid atau surau tidak mengamalkan amalan ini tetapi mereka memanfaatkan waktu setiap rakaat tersebut dengan membaca al-Quran, berzikir dan tazkirah bagi setengah masyarakat berbeza mengikut kelompok dan adat setempat.

Namun, amalan zikir dan selawat diselangi solat tarawih sering menjadi isu yang hangat dan menimbulkan perbalahan di kalangan umat Islam setempat. Satu kelompok melihat bahawasanya zikir dan selawat diselangi solat tarawih merupakan satu amalan yang sangat bermanfaat untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT sepanjang bulan Ramadan. Mereka beranggapan bahawa amalan tersebut dapat mengukuhkan keimanan serta meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW di samping turut meningkatkan penghayatan dalam melaksanakan ibadah solat tarawih. Walau bagaimanapun, satu kelompok lain beranggapan bahawa amalan zikir dan selawat diselangi solat tarawih merupakan amalan bid'ah yang jelas tidak disyariatkan ke atas Muslim. Mereka berhujah

bahawa setiap ibadah perlulah dilaksanakan mengikut tuntutan Rasulullah SAW dan amalan yang tiada asasnya dalam sunnah tidak wajar untuk diamalkan (Madani, 2019). Mereka beranggapan bahawa solat tarawih perlulah dilaksanakan secara khusyuk sesuai amalan nabi tanpa diselangi zikir dan selawat. Selain dua kelompok ini, wujud kelompok ketiga yang hanya mengamalkan perkara ini tanpa mengetahui kebenaran dan hanya mengikuti adat dan tradisi yang telah tertanam dalam masyarakat kini.

Kefahaman berkenaan isu bacaan zikir dan selawat di antara solat tarawih sangat dipengaruhi oleh uruf tradisi masyarakat setempat dan latar belakang kefahaman agama yang berbeza di lokaliti berbeza. Uruf merupakan salah satu sumber penting untuk mengeluarkan hukum syarak walaupun ada di kalangan para ulama yang tidak mengiktirafnya sebagai salah satu sumber yang muktabar. Namun, para ulama yang mengiktirafnya melihat ia sebagai salah satu sumber yang amat penting terutama dalam permasalahan yang berkaitan dengan hubungan antara sesama makhluk yang tidak dapat diselesaikan dengan menggunakan sumber-sumber yang disepakati iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Instrumen uruf sangat memainkan peranan yang penting untuk menilai sama ada amalan tersebut dikategorikan sebagai uruf sahah atau fasid (Wandi, 2018). Oleh yang demikian, analisis berkenaan isu zikir dan selawat diselangi solat tarawih dalam perspektif uruf wajarlah dipertimbangkan dan dilaksanakan untuk memahami secara jelas dan terperinci berkenaan isu tersebut.

Dalam konteks ini, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu zikir dan selawat yang dibaca di antara waktu rehat dalam pelaksanaan solat tarawih dari perspektif uruf dalam masyarakat Islam dan mengenalpasti kearifan tempatan di sebalik amalan ini.

PENGERTIAN ZIKIR DAN SELAWAT

Zikir merupakan *masdar* daripada perkataan *zakara*. Menurut bahasa zikir membawa maksud menghadirkannya dan mengembalikannya dalam fikiran selepas lupa (Umar, 2008). Selain itu, zikir boleh membawa dua maksud. Pertama, sesuatu yang mengalir di bibir iaitu apa yang dituturkan sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah Maryam Allah SWT berfirman:

ذِكْرٌ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا

Maksudnya: Ceritakanlah kepada manusia tentang rahmat Tuhan kamu kepada hamba-Nya Zakaria.

Kedua, menghadirkan sesuatu ke dalam hati, ia merupakan kata lawan kepada *al-Nisyan* (al-Nawawi, 2008). Menurut istilah syara' zikir terbahagi kepada dua makna iaitu makna am dan makna khas. Zikir menurut makna am merangkumi setiap jenis ibadat seperti solat, puasa, haji, membaca al-Quran, pujian, doa, tasbih, tahmid dan selain dari itu dari perkara perkara yang membawa ketaatan kepada Allah SWT kerana ia dilakukan untuk mengingatkan Allah SWT, mentaatinya dan menyembahnya. Abdul Rahman bin Sa'di berkata: Apabila dituturkan zikrullah ia merangkumi segala perkara yang mendekatkan hamba kepada Allah SWT seperti akidah, fikiran dan amalan hati dan amalan fizikal atau pujian ke atas Allah SWT atau mempelajari suatu ilmu yang bermanfaat dan mengajarkannya serta setiap yang disebutkan merupakan zikir kepada Allah SWT (al-Tabari, 1984). Manakala zikir menurut makna khas pula ialah zikir kepada Allah SWT dengan lafaz-lafaz yang datang daripada Allah SWT seperti membaca al-Quran atau mengunggkap nama-nama dan sifat-sifat-Nya yang agung dan yang dituturkan oleh lidah hamba-Nya atau dihatinya sepertimana yang diturunkan di dalam al-Quran atau ungkapan yang keluar daripada bibir Rasulullah SAW. Setiap ungkapan tersebut membawa erti pengagungan dan penyucian serta tauhid kepada Allah SWT (al-Burnu, 1988).

Zikir merupakan satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam bahkan ia perlu dijadikan sebagai amalan harian seorang individu Muslim. Zikir kepada Allah SWT merupakan sebaik-baik amalan, bertujuan menyuci jiwa dan ia juga mempunyai banyak kelebihan. Zikir merupakan ketaatan yang tinggi dan membawa kepada pembukaan pintu keagungan Allah SWT antara Dia dan hamba-Nya selama mana hamba tersebut tidak menutupnya dengan kelalaian. Zikir merupakan roh kepada amalan soleh. Sekiranya suatu amalan tersebut sunyi daripada zikir ia dianggapkan sebagai satu jasad yang tiada roh padanya (Ibn al-Qayyim, 2003). Ibadah zikir banyak direkodkan di dalam al-Quran dan kebanyakannya dinyatakan jelas dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW antaranya ialah Allah SWT berfirman:

فَاذْكُرُونِي أَذْكَرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونَ

Maksudnya: Maka ingatlah kepada Ku, nescaya aku ingat kepada Mu, bersyukurlah kepada Ku dan janganlah kamu ingkar kepada Ku.

Dan diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA:

يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي؛ فَإِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتَهُ فِي نَفْسِي، وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَالٍ ذَكَرْتَهُ فِي مَالٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِشِرِّ ذِرَاعٍ، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا، وَإِنْ أَتَانِي يَمْسِي أَتَيْتَهُ هَرُولَةً.

Maksudnya: Sesungguhnya Aku berdasarkan pada prasangka hamba-Ku kepada-Ku. Aku akan selalu bersamanya jika ia mengingat-Ku. Jika ia mengingat-Ku dalam hatinya, maka Aku akan mengingatnya dalam diri-Ku. Jika ia berzikir mengingat-Ku dalam suatu jama'ah, maka Aku akan sebut-sebut dia dalam jama'ah yang lebih baik dari mereka. Jika ia mendekati-Ku sejengkal, maka Aku akan mendekatinya sehasta. Jika ia mendekati-Ku sehasta, maka Aku akan mendekatinya sedepa. Apabila ia mendekati-Ku dengan berjalan, maka Aku akan mendekatinya dengan jalan cepat (HR al-Bukhari).

Selawat pula telah dinyatakan dalam al-Quran dan diperintahkan oleh Allah SWT selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepada-Nya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya (al-Ahzab, 56).

Al-Maraghi (1946) dalam mentafsirkan ayat ini berkata: Wahai orang beriman, doakanlah supaya Nabi Muhammad SAW mendapat rahmat, muliakan baginda walau dengan apa cara yang kamu mampu lakukan. Umpamanya mengikut baginda secara baik atau mematuhi setiap arahannya. Begitu juga, dengan cara mengucapkan selawat dan salam kepada baginda dengan lidahmu. Terdapat banyak kelebihan bagi orang yang sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW, melalui hadis daripada Abdullah bin 'Amr RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

فَإِنَّهُ مِنْ صَلَّيْ عَلَى صَلَاةِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

Maksudnya: Sesungguhnya barangsiapa yang berselawat ke atas Ku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat (*HR Muslim*).

Terdapat pelbagai saranan dan galakan untuk berzikir kepada Allah SWT serta berselawat kepada Nabi Muhammad SAW. Suruhan berzikir dan berselawat dinyatakan jelas di dalam al-Quran serta terdapat banyak ganjaran yang dinyatakan dalam hadis bagi mereka yang berzikir dan berselawat.

Justeru persoalannya adakah zikir dan selawat ini dibenarkan pada bila-bila masa sahaja, termasuklah amalan zikir dan selawat antara setiap dua rakat solat sunat tarawih ke solat sunat tarawih yang lain atau ia merupakan satu amalan baharu yang dikategorikan sebagai uruf fasid dan bercanggah dengan syariat Islam. Oleh yang demikian pengkaji ingin merungkai latar belakang amalan dan budaya ini yang mana ia diamalkan sehingga hari ini di kebanyakan masjid dan surau di Nusantara ini.

LATAR BELAKANG AMALAN BACAAN ZIKIR DAN SELAWAT DI ANTARA SOLAT TARAWIH

Amalan membaca selawat ketika solat tarawih adalah tradisi yang diwarisi dari generasi silam. Bacaan selawat ini dilontarkan selepas memberi salam ketika solat tarawih secara berjemaah. Bagi merungkai zikir selawat yang diamalkan ketika solat tarawih, pengkaji merujuk kepada panduan solat sunat tarawih yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2009) dan nota poket Ramadan MAIS (diterbitkan oleh Majlis agama Islam Selangor) untuk menganalisis zikir yang diamalkan serta makna disebalik zikir tersebut (JMNS, 2020). Antara zikir dan selawat tersebut ialah:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Maksudnya: Maha suci Allah, Segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Maksudnya: Ya Allah, selawatkanlah (rahmatilah) ke atas Nabi Muhammad SAW, Rahmat Allah SWT dan kesejahteraan ke atas Nabi Muhammad SAW.

صَلَاةُ التَّرَاوِيحِ مِنْ قِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ أَثَابَكُمْ اللَّهُ، الصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: Solat tarawih antara ibadat mendirikan malam Ramadan yang Allah SWT akan ganjarkan pahala bagi pelakunya. Solat, tiada Tuhan selain Allah SWT.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذَخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ

Maksudnya: Ya Allah selawatkanlah (rahmatilah) ke atas penghulu kami, kekasih kami, pemberi syafaat kepada kami, harta kami dan pemimpin kami Nabi Muhammad SAW.

الْخَلِيفَةُ الْأُولَى أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ سَيِّدَنَا أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيقَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Khalifah pertama Amir al-Mukminin Saidina Abu Bakar Al Siddiq. Redha Allah SWT ke atas-Nya.

الْخَلِيفَةُ الثَّانِي سَيِّدَنَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Khalifah kedua Saidina Umar bin al-Khattab. Reda Allah ke atas-Nya.

الْخَلِيفَةُ الثَّلَاث سَيِّدَنَا عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Khalifah ketiga saidina Uthman bin Affan. Reda Allah ke atas-Nya.

الْخَلِيفَةُ الرَّابِع سَيِّدَنَا عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ

Maksudnya: Khalifah keempat Saidina Ali bin Abi Thalib. Allah memuliakan wajahnya.

Pengkaji telah mengemukakan zikir-zikir yang dialunkan oleh bilal dan disambut oleh para makmum seperti yang dinyatakan di atas, sebahagian zikir tersebut berulang dan tidak ditulis kembali. Jika dilihat kepada maksud zikir-zikir di atas, secara literalnya didapati bahawa tiada kesalahan pada zikir tersebut kerana ia membawa makna yang baik bahkan sebahagian zikir tersebut sangat digalakkan dan disebutkan ganjarannya dalam hadis Nabi Muhammad SAW. Namun begitu dari segi praktikalnya, sebahagian besar masyarakat tidak memahami makna di sebalik lafaz zikir tersebut dan hanya dilontarkan semata-mata mengikut tradisi dari zaman berzaman. Jelasnya, dari sudut maksud zikir-zikir tersebut pengkaji dapati tiada kesalahan serius untuk mengungkapkannya, apatah lagi setelah memberi salam. Walaupun begitu, pengkaji akan menilai amalan berselawat tersebut berdasarkan parameter uruf dan mengenalpasti unsur kearifan tempatan yang menjadi rahsia pengamalannya dalam masyarakat Islam.

PARAMETER URUF DALAM MENILAI AMALAN ZIKIR DAN SELAWAT DI ANTARA SOLAT TARAWIH

Uruf dari sudut bahasa berasal dari perkataan 'arafa yang membawa maksud sesuatu yang diketahui (Ibn Manzur, 2010). Uruf juga diertikan sebagai amalan yang telah menjadi adat kebiasaan orang ramai dalam konteks muamalat dan mereka berterusan melakukan perkara tersebut (Abu Zahrah, t.t.). Di kalangan masyarakat di Alam Melayu perkataan adat lebih dominan digunakan berbanding uruf (Ramli, 2006).

Pada dasarnya, tidak semua adat dan uruf diiktiraf dan diterima dalam syarak. Oleh yang demikian ulama telah membahagikan uruf kepada dua kategori iaitu sah dan fasid (al-Zuhayli, 1998). Uruf sah ialah perkara yang menjadi kebiasaan bagi manusia dan tidak bertentangan dengan nas syarak, ijma', dan tidak membawa kepada kemudaratannya. Uruf fasid pula ialah perkara yang menjadi kebiasaan bagi manusia tetapi bertentangan dengan syarak atau sesuatu yang menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal.

Para ulama telah meletakkan syarat-syarat tertentu untuk menerima sesuatu uruf supaya ia selari dengan kehendak Syarak. Syarat-syarat tersebut adalah (Zaydan, 1998):

- i. Uruf itu tidak berlawanan dengan *nas syarak*. Sebaliknya jika ia berlawanan dengan *nas*, maka *uruf* tersebut tidak boleh diambilkira dan diamalkan seperti amalan yang berunsur syirik, berunsur riba, maksiat dan sebagainya (Yusuf, et al., 2026).

Dalam amalan berzikir dan membaca selawat di antara solat tarawih, ia tidak bertentangan dengan *nas Syarak*. Pertama, lafaz zikir dan selawat tidak mengandungi perkara yang bertentangan dan *Syarak*, sebaliknya ia adalah zikir dan selawat kepada Nabi SAW yang dianjurkan. Kedua, lafaz zikir dan selawat tidak ditambah atau dibaca dalam solat sunat tarawih, sebaliknya ia dibaca selepas memberi salam dan di luar solat tarawih. Ketiga, zikir dan selawat bertepatan dengan konsep istirehat yang dianjurkan dalam pelaksanaan ibadah solat tarawih.

- ii. *Uruf* itu telah diamalkan secara menyeluruh dan meluas oleh masyarakat. Jika ada yang tidak mengamalkannya dalam jumlah yang minimum.

Amalan berzikir dan berselawat diamalkan secara meluas oleh masyarakat Islam di Alam Melayu, khususnya di Malaysia. Amalan ini dilakukan di antara solat tarawih sama ada di surau dan masjid pada setiap malam bulan Ramadan.

- iii. *Uruf* atau adat yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan itu sudah wujud ketika hendak dilakukan tindakan itu. Ertinya, *uruf* itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga masa berlakunya tindakan itu.

Amalan berzikir dan berselawat yang dilakukan itu telah ada dalam tempoh yang lama dan diwarisi dari generasi kepada generasi secara turun temurun. Ia bukan amalan baharu yang dilakukan dalam masyarakat Islam, bahkan telah berakar umbi dalam masyarakat.

- iv. Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi *uruf*. Maka tidak harus berpegang kepada *uruf* sekiranya terdapat perkataan dan perbuatan yang menafikan penggunaan *uruf*.

Amalan berzikir dan berselawat yang dilakukan itu adalah sesuatu yang digalakkan dan tidak menyalahi *uruf* sedia ada. Intipati bacaan zikir dan selawat adalah mengingati dan memuji Allah SWT dan berdoa kepada Nabi Muhammad SAW. Manakala dari segi perbuatan, ia diamalkan di luar dari ibadat solat tarawih, iaitu selepas memberi salam. Selepas memberi salam, umat Islam bebas untuk melakukan apa sahaja yang diharuskan. Dalam hal ini juga, tiada penambahan atau inovasi terhadap solat tarawih itu sendiri.

Berdasarkan parameter *uruf*, amalan berzikir dan berselawat di antara solat tarawih adalah termasuk dalam *uruf* sahih kerana ia memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

PANDANGAN ULAMA BERHUBUNG AMALAN ZIKIR DAN SELAWAT DI ANTARA SOLAT TARAWIH

Ulama bersepakat tentang tempoh istirehat selepas solat empat rakaat tarawih (Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, 1992). Mereka telah memberi pandangan berkenaan isu di atas. Antaranya ialah al-Zubaidi (2007) menyatakan bahawa sebahagian *ashab* kami iaitu dari kalangan Hanafiah mengharuskan duduk selepas setiap empat rakat dengan kadar tertentu. Begitu juga pada *tarwihah* kelima didirikan solat sunat witir. Perkara ini dilakukan kerana ianya merupakan warisan para salaf terdahulu. Dan perkara ini telah diriwayatkan oleh Imam Abu Hanifah. Pada duduk tersebut mereka memilih antara bertasbih, membaca al-Quran, solat empat rakat secara bersendirian dan suara yang perlahan, Di Mekah pula mereka bertawaf sebanyak

tujuh kali pusingan tawaf kemudian mendirikan dua rakat solat sunat manakala ahli Madinah mendirikan empat rakat solat sunat secara bersendirian (Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, 1992).

Antara zikir-zikir yang dialunkan semasa *tarwihah* antara rakaat ialah :

سبحان ذي الملك والملكوت، سبحان ذي العزة والعظمة والهيبة والكبرياء والجبروت، سبحان
الحي الذي لا يموت، سبح قدوس رب الملائكة والروح

Dibaca sebanyak tiga kali, dan tasbih ini diamalkan di kawasan Bukhara dan sekitarnya. Selain itu, ialah tasbih yang turut dibaca sebanyak tiga kali iaitu:

لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد، يحيي ويميت، وهو على كل شيء قدير

Selain itu, ialah membaca Surah al-Ikhlâs sebanyak tiga kali. Dan sebahagian kawasan mengalunkan zikir selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kemudian pada *tarwihah* pertama menyebut Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq. *Tarwihah* kedua menyebut Sayyidina Umar RA. *Tarwihah* ketiga menyebut Sayyidina Uthman RA dan *tarwihah* keempat menyebut sayyidina Ali RA dan pada *tarwihah* kelima diakhiri dengan bacaan penutup dari bilal.

Manakala di sisi Syafiiyah pula, Syathiri (2011) menyatakan bahawa telah bertanya Bazira'ah berkenaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan mengungkap ungkapan reda ke atas para sahabatnya selepas selesai setiap rakat solat sunat tarawih. Ia merupakan amalan yang dilakukan oleh penduduk Hadramaut. Kemudian, syekh berkata bahawa, "Kami tidak dapati bahawa ia (selawat) pada hadis Nabi SAW. Dan tidak juga dapati pada perkataan para sahabat. Ia bukan perkara bid'ah yang dilarang akan tetapi ia merupakan perkara yang baik, justeru bagaimana ia dilarang untuk dilakukan?"

Asasnya, tiada nas yang melarang untuk berzikir, berdoa atau membaca al-Quran pada setiap ruang antara dua rakat solat tarawih atau empat rakat solat tarawih. Perkara ini dikategorikan sebagai perkara umum berzikir pada setiap waktu. Satu keadaan menunjukkan bahawa zikir dan selawat tersebut digantikan dengan tawaf yang dilakukan oleh penduduk Mekah sebanyak tujuh pusingan tawaf. Manakala penduduk Madinah melaksanakan solat sunat tarawih sebanyak 36 rakat sebagai ganti kepada tawaf (Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, 1992; al-Bakri, 2023).

Zikir dan selawat yang dilafazkan merupakan suatu uslub yang disusun supaya orang mengetahui bilangan solat yang ke berapa, maka tiada yang menghalang perkara ini secara mutlak. Maka disebabkan itu ia tidak dinamakan sebagai bid'ah yang dilarang. Terdapat nas-nas umum yang memperakunya dalam masa yang sama uslub ini tidak bercanggah dengan nas-nas tersebut.

UNSUR KEARIFAN TEMPATAN DALAM AMALAN ZIKIR DAN SELAWAT DI ANTARA SOLAT TARAWIH

Kearifan tempatan merujuk satu set pengetahuan dan amalan yang eksplisit (tersirat) hasil akal budi (kognitif) golongan cerdik pandai tempatan dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan masyarakat tempatan (Salleh & Ramli, 2021). Hikmah yang terselindung di sebalik amalan ini perlukan pengamatan untuk memahami sesuatu amalan dan tidak terlihat dengan pandangan mata kasar. Ia adalah sesuatu yang wujud nyata (*tangible*) terdiri daripada sistem nilai, tata cara, berbagai ketentuan yang tertulis dalam kitab, kalender dan seumpamanya, juga

suatu yang tidak tampak (*intangible*) seperti petua yang disampaikan secara verbal, nyanyian, nilai sosial dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, amalan zikir dan bacaan selawat yang dilakukan di antara solat tarawih memiliki kearifan tempatan yang melibatkan nilai-nilai dan praktik-praktik yang berkaitan dengan budaya dan tradisi masyarakat Muslim (Bisri, 2025). Antara kearifan daripada amalan tersebut ialah:

Pertama, ia dapat meninggikan tingkatan spiritual (Najma & Putri, 2024) dan melahirkan ketenangan jiwa (Biantoro & Rozikan, 2025). Zikir dan selawat di antara solat tarawih dapat memberikan dimensi spiritual yang lebih mendalam bagi umat Muslim. Melalui pengulangan zikir dan pujian kepada Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW, umat Muslim dapat memfokuskan fikiran mereka pada kehadiran Ilahi dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap kebesaran dan kasih sayang-Nya. Pengalaman ini dapat memperkaya dan memperdalam hubungan spiritual individu dengan sang pencipta. Juga menambah rasa cinta kepada Rasulullah SAW.

Kedua, ia menggambarkan nilai kesatuan sosial dan kebersamaan (Rahma & Sudjatnika, 2025). Amalan zikir dan selawat yang dilakukan di antara solat tarawih sering kali dilakukan secara berjemaah di masjid. Hal ini mencerminkan nilai kebersamaan dan kesatuan dalam masyarakat Muslim. Umat muslim dapat merasakan ikatan sosial dan semangat yang kuat sesama jemaah apabila laungan zikir dan selawat yang dipimpin oleh imam disambut oleh para makmum. Kebersamaan ini juga dapat memperkuat rasa persaudaraan dan kesatuan umat Muslim dalam menjalankan ibadah.

Ketiga, ia adalah benteng kepada pengukuhan fahaman dan pegangan ahli Sunnah Wal-jamaah. Ini kerana Alam Melayu menjadi ruang rebutan kepada pelbagai aliran dan fahaman. Jadi dengan membesarkan nama Allah melalui zikir, mengungkap selawat, juga menyebut nama khulafa al-rasyidin menjadi ruang untuk mengukuhkan pegangan masyarakat Islam.

Keempat, dengan penyebutan nama-nama khalifah juga selain dapat memperkenalkan kepada kanak-kanak dan jemaah tarawih tokoh-tokoh Islam, ia juga adalah satu makluman kepada jemaah tentang jumlah rakaat yang telah disempurnakan. Ini kerana jumlah bilangan rakaat solat tarawih yang banyak menyebabkan ada yang tidak ingat.

Kelima, amalan zikir dan selawat yang dilakukan di antara solat tarawih adalah sesuai dengan konsep kerehatan yang dianjurkan dalam pelaksanaan ibadat solat tarawih, zikir dan selawat yang diamalkan tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek. Jadi jemaah mempunyai waktu kerehatan yang cukup dalam menyempurnakan solat tarawih.

KESIMPULAN

Isu zikir dan selawat yang diamalkan di antara solat tarawih telah menjadi perdebatan di kalangan agamawan dan umat Islam. Terdapat perbezaan pendapat mengenai keharusan zikir dan selawat di antara waktu rehat setiap rakaat solat tarawih. Pandangan pertama mengharuskannya dan pandangan kedua mengharamkannya dengan alasan ia adalah perbuatan bid'ah kerana tidak dilakukan oleh Nabi dan para Sahabat. Berdasarkan analisis menggunakan parameter uruf, amalan ini menepati kriteria-kriteria penerimaan uruf dan termasuk dalam kategori uruf sah, iaitu diterima. Tambahan pula ia merupakan amalan yang memiliki kearifan tempatan yang tersendiri. Jelaslah amalan ini bukanlah tindakan baharu yang dilakukan tetapi perlaksanaannya telah lama serta berakar umbi dalam masyarakat Islam.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, M. (t.t.). *Usul al-fiqh*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Bakri, Z. (2023), 1360- Selawat antara tarawih, <https://maktabahalbakri.com/1355-selawat-antara-tarawih/>
- Biantoro, O. F., & Rozikan, M. (2025). Internalizing religious values through collective prayer practices in Madrasah Diniyah Learning. *Journal of Pesantren and Diniyah Studies*, 2(2), 75-86.
- Bisri, T. A. (2025). Langgam dakwah ulama'tempatan (studi analisis tradisi pujian setelah sholat tarawih di Desa Kalianyar Kecamatan Kedung Kabupaten Jepara Jawa Tengah. *Indonesian Journal of Studies on Humanities, Social Sciences and Education*, 2(2), 1-12.
- Al-Burnu, M.S. (1988). *Al-zikr wa atharuhu fi al-dunya muslim wa akhiratihi*. Saudi Arabia Imam Muhammad Bin Saud Islamic University.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2003). *Madarij al-salikin*. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Manzur. (2010). *Lisan al-arab*. Dar Sadir.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009), Panduan solat sunat tarawih, https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Panduan_Sembahyang_Sunat_Tarawih.pdf
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2020). Nota poket puasa Ramadan dan tarawih. <https://harianpost.my/wp-content/uploads/2021/04/NOTA-POKET-RAMADHAN2-2020.pdf>
- Madani, A.A. (2019); *Penjelasan hukum selawat antara solat tarawih*. YouTube. Available at: https://www.youtube.com/watch?v=T_E6liW1iKg (Accessed: 22 May 2024).
- Al-Maraghi, A.M. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Maktabah wa Matba'ah Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Mawsu'ah al-fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, (1992), Wizarah al-awqaf wa syu'un al-Islamiyyah.
- Najma, N., & Putri, N. A. A. (2024). Menganalisis pengaruh shalawat terhadap ketenangan jiwa: Pendekatan psikologis dan spiritual. *New Psycho Aksara: Jurnal Psikologi*, 2(2), 141-148.
- Al-Nawawi (2005). *Al-Majmu' syarh al-muhadhdhab*. Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Nawawi. (2008). *Tahzib al-asma' wa al-lughat*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ramli, M.A. (2006). Instrumen 'urf dan adat Melayu sebagai asas penetapan hukum semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 253-289.
- Rihan, H. G., Cahyati, P., Anggelia, J., Efendi, S. N., & Wismento, W. (2024). Nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung pada pelaksanaan praktek puasa Ramadhan. *ALFIHRIS: Jurnal Inspirasi Pendidikan*, 2(3), 40-51.
- Salleh, M.Y. & Ramli, M.A. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan, *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Saputra, E., & Muhajir, A. (2019). Penanaman dan penguatan nilai-nilai keislaman melalui perayaan hari besar Islam. *Al Ashriyyah*, 5(2), 293-309.
- Saqr, A. (2011). *Mawsu'ah ahsan al-kalam fi al-fatawa wa al-ahkam*. Maktabah Wahbah.

- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2021). Kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari perspektif hukum Islam. *Rampak Serantau*, 27(1), 17–32.
- Suswandari, (2017). *Kearifan Lokal Etnik Betawi*. Pustaka Pelajar.
- Syakur, A.B. (2012). *Fiqh Tradisi*. Penerbit Salamadan.
- Al-Syatiri, A.U. (2011). *Al-Yaqut al-nafis fi mazhab ibn Idris*. Dar al-Minhaj.
- Al-Tabari, (1984). *Al-Riyadh al-nadhrah fi manaqib al-asyarah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Umar, A.M. (2008). *Mu'jam al-lughah al-arabiyah al-mu'asirah*. 'Alam Al-Kutub.
- Wandi, S.W.S. (2018). Eksistensi 'urf dan adat kebiasaan sebagai dalil fiqh. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 2(1), 181-196.
- Yusuf, S. A. M., Yusliani, H., Idrus, A. W., & BK, C. A. (2026). Custom (urf) and law in Islamic history: Negotiating local practice and divine norms. *International Journal of Islamic Theology & Civilization*, 4(1), 56-70.
- Zaydan, A.K. (1998). *Al-Wajiz fi usul al fiqh*. Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Zubaidi, M. (2007). *Ithaf al-sadah al muttaqin bi syarh ihya' ulum al-din*. Matba'ah al-Maimaniah.
- Al-Zuhayli, W. (1998), *Usul al-fiqh al-Islami*, cet. Kedua. Dar al-Fikr.